

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL
RAHMAN [KUALA KRAI]**

SOALAN NO. 374

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan: -

- (a) apakah setiap sekolah rendah mempunyai kelengkapan yang mencukupi termasuk kerusi, meja, pinggan dan gelas untuk program sarapan percuma bagi setiap pelajar pada tahun 2020; dan
- (b) apakah Kementerian dapat menjamin pembayaran kepada pengusaha kantin dapat dilunaskan tepat pada masanya apabila program ini dilaksanakan nanti.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Program Sarapan Pagi (PSP) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah bertujuan untuk memberikan makanan tambahan yang memenuhi keperluan nutrisi penting bagi pertumbuhan fizikal dan kognitif murid-murid di sekolah rendah. KPM bertanggungjawab melaksanakan PSP dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia, institut pendidikan tinggi awam (IPTA) dan NGO. KPM telah menubuhkan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Pelaksana di peringkat Kementerian, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah bagi memastikan

pelaksanaan PSP berjalan lancar, memenuhi objektif dan dapat dilaksanakan secara berterusan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, projek rintis PSP dijalankan di tujuh (7) buah sekolah bermula September hingga November 2019 melibatkan sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan dan sekolah orang asli mengikut kawasan bandar dan luar bandar di empat (4) buah negeri dengan enrolmen murid yang pelbagai. Dapatan rintis tersebut akan dijadikan panduan dalam memuktamadkan kaedah pelaksanaan PSP di seluruh negara termasuk mengambil kira faktor kebolehlaksanaan di peringkat sekolah. Bagi sebarang keputusan yang diputuskan oleh Kerajaan, adalah menjadi tanggungjawab pihak Kerajaan untuk memastikan pembayaran dibuat berdasarkan perkhidmatan yang telah diberikan.

Anggaran kos PSP sekiranya melibatkan semua murid-murid adalah di antara RM807 juta hingga RM1.67 bilion bergantung kepada kaedah pelaksanaan bagi 200 hari persekolahan, mengambil kira kos perbekalan bahan mentah di kawasan pedalaman termasuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sebanyak 2,691,231 murid sekolah rendah termasuk anak golongan B40 di seluruh negara dijangka mendapat manfaat daripada PSP jika dilaksanakan sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah mencadangkan kepada Kementerian bahawa ianya perlu dilaksanakan secara bertahap untuk memastikan pengoperasian PSP dan mekanisme pembiayaan jangka masa panjang yang mampan. Untuk tujuan itu, PSP akan dilaksanakan secara berfasa dan Fasa 1 akan dilaksanakan di setiap negeri mengikut jumlah murid B40 tertinggi. Kementerian akan memilih sekolah-sekolah yang mempunyai bilangan murid daripada B40 yang tinggi selain mengambil kira kesediaan pihak kantin dan pihak pembekal. Pelaksanaan sarapan pula akan menggunakan peruntukan tambahan daripada pihak Kementerian Kewangan di samping mengumpulkan dana daripada pihak ketiga. Ini

NO. SOALAN: 374

dilakukan bersama-sama dengan perancangan dan juga sumbang saran daripada MTEN.